

SOALAN NO: 41

semestinya akan menarik perhatian umum dari dalam dan luar negara terutamanya para pemegang saham berikutan kegagalan mematuhi Standard Mandatori yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Adalah diharapkan pihak penyedia perkhidmatan yang terlibat akan memperbaiki mutu perkhidmatan bagi memperbaiki imej dan prestasi mereka sebagai penyedia perkhidmatan komunikasi di Malaysia.

Pengujian rangkaian yang dijalankan tetap dilakukan setiap bulan oleh SKMM di seluruh Negara. Sekiranya pihak penyedia perkhidmatan tidak menunjukkan peningkatan dari segi perkhidmatan yang ditawarkan, mereka akan berdepan dengan tindakan undang-undang seterusnya seperti yang telah diperuntukkan di dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).